

04/06/1997

Dua peserta sedih gagal tawan Everest

SUBANG, Selasa - Dua pendaki negara yang menyertai Ekspedisi Malaysia-Everest 97, Mohd Fauzan Hassan dan Garry Chong sedih kerana gagal meneruskan pendakian sekaligus menawan puncak Everest berikutan masalah kesihatan dan kecederaan.

Mohd Fauzan berkata, beliau sudah berusaha bersungguh-sungguh, tetapi nasib tidak menyebelahnya. Kesihatannya menghalang dia meneruskan pendakian dan dinasihatkan turun ke Kem 4 setinggi 7,955 meter.

"Pada ketinggian 8,300 meter saya menghadapi masalah cirit-birit dan muntah-muntah. Dalam keadaan lemah, saya berusaha menguatkan semangat dan merangkak meneruskan pendakian.

"Malangnya saya dinasihatkan turun," katanya yang melinangkan air mata di Bilik Orang Kenamaan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, hari ini.

Mohd Fauzan dan pendaki lain tiba dengan pesawat TG 415 dari Bangkok bersama-sama Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kumpulan pendaki Everest lain pada jam 11.40 pagi.

Walaupun gagal mencatatkan sejarah diri sendiri dan negara dalam usaha menawan puncak Everest setinggi 8,848 meter, kesungguhan Mohd Fauzan serta rakan-rakan dalam kumpulan ekspedisi itu perlu diberikan pujian kerana usaha menawan puncak itu bukanlah semudah yang disangka.

Usaha menawan puncak tertinggi di dunia itu sehingga kini sudah meragut 150 nyawa terutama di gaung bahagian selatan dan utara gunung terbabit.

Dengan slogan "Malaysia Boleh" dan "Yakin Boleh", kesungguhan yang ditunjukkan Mohd Fauzan, serta rakan pendaki, Garry Chong serta kejayaan Mohanandas dan Magendran yang berjaya menawan puncak Everest, adalah permulaan gagasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meneroka bidang lebih mencabar.

Garry Chong, yang juga gagal meneruskan pendakian kerana mengalami kecederaan tangan dan masalah kesihatan, akur dengan kegagalannya itu.

"Saya sudah berusaha bersungguh-sungguh, tapi kesihatan dan kecederaan tidak mengizinkan saya meneruskan pendakian," katanya. Beliau gembira kerana dua rakan sepasukan, Magendran dan Mohanandas, berjaya meneruskan perjuangan beliau dan Mohd Fauzan untuk mengharumkan nama negara.

Mohd Fauzan dan Chong adalah sebahagian daripada pasukan ekspedisi 20 anggota, diketuai Nor Ramlle Sulaiman, dalam projek yang dicetuskan sendiri oleh Dr Mahathir yang dilancarkan pada 4 Jun tahun lalu.

Mereka bersama-sama 10 pendaki lain sampai di Everest Base Camp pada 26 Mac untuk menjalani latihan penyesuaian selama enam minggu mulai 1 April.

Mulanya pendakian Everest dirancang pada awal bulan lalu tetapi terpaksa ditangguhkan akibat angin kencang pada kelajuan lebih 120 kilometer sejam di Kem 4.

(END)